

KENYATAAN MEDIA

27 APRIL 2022

**Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)**
No. 12, Jalan Tun Hussein,
Precinct 2,
62100 Putrajaya,
Malaysia.
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637
Toll Free : 1-800-2222-78(ST)

ST Nasihat Orang Ramai Utamakan Keselamatan Elektrik Dan Gas Di Musim Perayaan

Putrajaya, 27 April – Menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri tidak lama lagi, dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah dimasuhkan pada tahun ini, ramai yang dijangka akan pulang bercuti bersama keluarga masing-masing. Ini sekaligus akan meningkatkan penggunaan elektrik dan gas bagi membuat persiapan dan meraikan Hari Raya. Sehubungan itu, Suruhanjaya Tenaga (ST) ingin mengingatkan orang ramai agar mengutamakan keselamatan elektrik dan gas dan mengamalkan tips keselamatan seperti berikut:

Keselamatan Elektrik

1. Guna peralatan elektrik yang diluluskan dan mempunyai label keselamatan SIRIM-ST.
2. Pastikan peralatan elektrik dalam keadaan sempurna. Tidak mengubahsuai peralatan elektrik yang rosak.
3. Tidak menekan suis elektrik dengan tangan yang basah.
4. Tidak menggunakan telefon bimbit ketika ia sedang dicas.
5. Tidak menggunakan soket dengan kelengkapan elektrik yang berlebihan/beban yang tinggi.
6. Pastikan semua suis dan peralatan elektrik di rumah yang tidak perlu dimatikan sekiranya anda pulang ke kampung atau pergi bercuti.

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

7. Tidak menggantung perhiasan perayaan pada tiang/talian elektrik atau pepasangan elektrik.
8. Uji Peranti Arus Baki (PAB) dengan menekan butang uji 'T' sekurang-kurangnya sekali sebulan. Jika PAB berfungsi dengan baik, ia akan terpelantik dan bekalan elektrik akan terputus serta-merta. PAB yang berfungsi dengan baik akan dapat melindungi pengguna daripada terkena renjatan elektrik sekiranya terdapat kebocoran arus.
9. Sekiranya PAB tidak berfungsi atau rosak, dapatkan perkhidmatan kontraktor elektrik yang berdaftar dengan ST untuk menggantikan PAB atau sebarang kerja ubah suai pendawaian elektrik di rumah.

Keselamatan Gas

1. Pastikan alat pengesan kebocoran gas berfungsi dengan baik.
2. Guna peralatan dapur gas yang diluluskan dan mempunyai label keselamatan SIRIM-ST.
3. Pastikan peralatan dapur gas dalam keadaan sempurna.
4. Pastikan injap gas ditutup sekiranya anda pulang ke kampung atau meninggalkan rumah.
5. Tidak meletakkan barang-barang yang panas di atas silinder gas.
6. Tidak membaringkan silinder gas ketika memasak.
7. Dapatkan perkhidmatan kontraktor gas yang berdaftar dengan ST untuk kerja pembaikan perpaipan gas di rumah.

*****Tamat*****

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Azrina Mohammad Jais/Zairulliati Mali/Muhammad Harith Safruddin
Unit Promosi dan Hubungan Luar
Tel: 03 8870 8598/013 2183778 (Zairulliati)/018 3822545 (Harith)
Emel: zairulliati@st.gov.my/harith@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.